



**RMTB**

Homepage: <http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb>

e-ISSN : 2773-5044

## **Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tahap Penerimaan Teknologi dalam kalangan Pengusaha Kecil dan Sederhana Industri Kerepek di Parit Raja**

**Nurulain Najwa Mohamad Ghazali<sup>1</sup> & Mohd Zarir Yusoff<sup>1,\*</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Johor, MALAYSIA.

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2023.04.01.008>

Received 31 March 2023; Accepted 30 April 2023; Available online 01 June 2023

**Abstract:** In order to further improve the involvement of Small and Medium Enterprise (SME) entrepreneurs in the business sector, various efforts have been stepped up in Malaysia in accordance with the government's objective to boost the economy of the country. The involvement of SME entrepreneurs in technology-related firms is less encouraging, though. Entrepreneurs are still not fully utilising technological capabilities to explore new markets and the global market through enterprises and technology-based marketing. This demonstrates how entrepreneurs' use of technology still does not reflect the goals of the government. Positive attitudes, social support, and effective behaviour control all contribute to the successful implementation of actual intents and behaviours. There were 38 respondents that were Small and Medium Enterprise (SME) entrepreneurs in total. Data gathered from the main source is analysed using descriptive and correlational approaches (i.e. questionnaire). The main data analysis tool for quantitative studies is the Statistical Process for Social Sciences (SPSS). The results demonstrated that there is a high level of attitude, subjective norm, and perception of behavioural control. The relationship between the independent and dependent variables is significant and in favour.

**Keywords:** SME, Technology adoption, Attitude, Subjective norm, Perception of behavioural control

**Abstrak:** Bagi meningkatkan lagi penglibatan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perniagaan, pelbagai usaha telah dipertingkatkan di Malaysia selaras dengan objektif kerajaan untuk melonjakkan ekonomi negara. Penglibatan usahawan PKS dalam perniagaan yang berkaitan teknologi adalah kurang memberangsangkan. Usahawan masih belum menggunakan sepenuhnya keupayaan

---

\*Corresponding author: [zarir@uthm.edu.my](mailto:zarir@uthm.edu.my)

teknologi untuk meneroka pasaran baharu dan pasaran global melalui perusahaan dan pemasaran berasaskan teknologi. Ini menunjukkan bagaimana penggunaan teknologi oleh usahawan masih tidak mencapai matlamat kerajaan. Sikap positif, sokongan sosial, dan kawalan tingkah laku yang berkesan semuanya menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan niat dan tingkah laku sebenar. Terdapat 38 orang responden yang terdiri daripada usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kesemuanya. Data yang dikumpul daripada sumber utama dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif dan korelasi (iaitu soal selidik). Alat analisis data utama untuk kajian kuantitatif ialah Statistical Process for Social Sciences (SPSS). Keputusan menunjukkan bahawa terdapat tahap sikap, norma subjektif, dan persepsi kawalan tingkah laku yang tinggi. Hubungan antara pembolehubah bebas dan bersandar adalah signifikan.

**Kata Kunci:** PKS, Penerimaan teknologi, Sikap, Norma subjektif, Persepsi kawalan tingkah laku

## 1. Pengenalan

Bagi meningkatkan lagi penglibatan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perniagaan, pelbagai usaha telah dipertingkatkan di Malaysia selaras dengan objektif kerajaan untuk melonjakkan ekonomi negara. Penglibatan usahawan PKS dalam perniagaan yang berkaitan teknologi adalah kurang memberangsangkan. Usahawan masih belum menggunakan sepenuhnya keupayaan teknologi untuk meneroka pasaran baharu dan pasaran global melalui perusahaan dan pemasaran berasaskan teknologi. Ini menunjukkan bagaimana penggunaan teknologi oleh usahawan masih tidak mencapai matlamat kerajaan. Sikap positif, sokongan sosial, dan kawalan tingkah laku yang berkesan semuanya menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan niat dan tingkah laku sebenar.

Parit Raja adalah sebuah pekan yang terletak di daerah Batu Pahat, Johor, Malaysia. Penduduk utama bandar ini adalah orang Jawa. Banyak gerai jualan di tepi jalan yang menyediakan pelbagai jenis makanan yang boleh dipilih. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, bandar ini telah menyaksikan pertumbuhan yang ketara berikutan perkembangan pesat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), yang terletak di sini. Parit Raja sedang berkembang pesat untuk menjadi hab Pendidikan di negeri Johor. Disebabkan itu, kebanyakan penduduk bandar ini lebih produktif untuk menjadikan diri mereka lebih kreatif, lebih inovatif, dan sentiasa mencari peluang untuk menjadikan bandar ini lebih dikenali. Pada umumnya, bandar ini khususnya dikenali dengan industri kerepek yang sering dapat dilihat dimana sahaja di bandar ini. Industri kerepek di Parit Raja telah berkembang pesat dan lebih moden iaitu dengan penggunaan teknologi yang semakin meluas seperti mesin pemotong, mesin penghiris dan juga mesin penggoreng automatik. Penggunaan teknologi dalam proses pembuatan dan pengeluaran amat penting pada masa kini, maka kesedaran tentang penggunaan teknologi perlu dipertingkatkan lagi. Ini adalah penting kerana setiap teknologi mempunyai potensi tersendiri untuk meningkatkan pengeluaran. Menurut (Dzulkefly Ahmad, 2019), teknologi boleh membantu perniagaan mengurus dan menjalankan operasi mereka dengan lebih cekap dan berkesan, serta memasarkan produk mereka dengan lebih meluas, melangkaui sempadan wilayah. Walau bagaimanapun, perniagaan tidak memanfaatkan sepenuhnya semua teknologi yang ada untuk bersaing dengan penggunaan internet yang tinggi dalam kalangan penduduk. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan dan penggunaan teknologi dalam industri kerepek bertempat di Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Banyak industri yang penting dalam pembentukan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Antara industri yang penting adalah Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan sub-industri yang banyak menyumbang kepada pemelesaian ekonomi adalah industri pemprosesan makanan khususnya industri kerepek. Pemelesaian teknologi adalah penyumbang terbesar sebagai pemudah cara dalam aktiviti perniagaan pada masa kini dalam semua lapisan peniaga dan juga semua lapisan industri. Walaubagaimanapun, hasil bacaan saya mendapati bahawa Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

khususnya dalam industri pemprosesan makanan terutamanya industri kerepek kurang menerima pakai teknologi dalam aktiviti perniagaan dan operasi (Manap & Yusoff, 2022). Hal ini mungkin dipengaruhi oleh persekitaran, serta kurangnya pendedahan kepada para peniaga yang rata-ratanya duduk di kawasan pedalaman. Jadi, kegagalan ini akan menyebabkan industry perusahaan kerepek ini akan berada di takuk lama dimana skop jualan yang difokuskan hanya terhad kepada pelanggan tempatan atau berdekatan sahaja berbanding dengan industri-industri lain seperti industri automotif yang kini lebih pesat dan telah meluaskan sasaran pelanggan yang jauh dari luar negeri bahkan juga luar dari Malaysia.

Isu utama dalam kajian ini adalah, tahap penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil terhadap industri kerepek dan faktor – faktor yang mendorong kepada penerimaan teknologi tersebut. Kemajuan teknologi di dalam negara masih tidak mampu menggerakkan pengusaha kecil dalam penggunaan teknologi yang berkembang pesat. Pengusaha kecil terutamanya yang berada di bandar kecil seperti Parit Raja masih kurang pendedahan serta kemahiran dalam penggunaan penuh teknologi dalam menghasilkan produk yang baik. Berikutan kepada kajian lepas, faktor yang mungkin menyebabkan penerimaan teknologi dalam industri ini adalah kerana kurang mendapat sambutan oleh sebahagian pengusaha kecil yang mungkin disebabkan oleh faktor kos, lokasi, dan produktiviti di lokaliti ini. Pranabesh Nath, Pengarah Penyelidikan di International Data Corporation (IDC), (2018) percaya bahawa faktor kewangan masih menjadi punca utama keadaan ekonomi semasa. Nath berkata ini berdasarkan penyelidikannya, yang mendapati kewangan kekal sebagai sebab utama perniagaan bergelut. Selain itu, pengusaha kecil di lokaliti ini berkemungkinan kurang didedahkan kepada program serta penglibatan di bawah Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) yang merupakan agensi penyelaras pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Seterusnya, isu yang dapat dilihat adalah penerimaan teknologi yang dilihat bertentangan dengan konsep zon selesa dalam kalangan pengusaha kecil industri kerepek. Hal ini kerana pengusaha kecil di lokaliti ini lebih selesa menggunakan kaedah tradisional berbanding dengan penggunaan teknologi yang lebih memudahkan.

Mengikut peredaran era Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang masih baharu, ini menunjukkan hasilnya dari segi tahap penerimaan teknologi di Malaysia adalah masih rendah. Walaubagaimanapun, pengusaha boleh menerapkan ciri-ciri teknologi dalam perusahaan melalui sistem yang memudahkan selari dengan IR 4.0. Menurut ketua pegawai eksekutif SME Corp Rizal Nainy, bahawa SME Corp menyediakan geran sepadan kepada perniagaan untuk perjalanan transformasi digital mereka dan juga mempunyai pelbagai inisiatif untuk PKS untuk mendapatkan nasihat pakar mengenai penggunaan teknologi dan pendigitalan, penyelesaian digital dan sokongan teknikal, antara lain. Seseorang yang yakin bahawa transformasi bermula dari dalam, organisasi digesa untuk memulakan perjalanan transformasi digital mereka dengan sentiasa mengemas kini pekerja mereka tentang trend digital terkini, pengetahuan teknologi dan keupayaan.

Pada pendapat Jane Teh, syarikat boleh menumpukan pada portfolio teras mereka, perniagaan serta memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan membuat keputusan kos efektif dan meningkatkan perniagaan mereka tanpa menanggung kos tambahan. Para pengusaha juga boleh melakukan ini dengan memanfaatkan penyelesaian digital dan platform yang menyokong pasaran keperluan yang berbeza, kemampuan dan saiz perniagaan yang berbeza, katanya.

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut iaitu apakah tahap faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja, apakah tahap penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja, dan apakah hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi masa kini dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja, untuk mengenalpasti tahap penerimaan adaptasi teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja, dan untuk mengkaji hubungan yang berkait antara faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja.

Kajian ini terhad skopnya, hanya memfokuskan kepada subjek yang telah dihadkan oleh pengkaji. Dari segi responden kajian ini hanya merangkumi mereka yang telah dipilih oleh pengkaji. Responden yang diokuskan adalah pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Seterusnya terdapat beberapa limitasi kajian iaitu banyak kajian telah dijalankan berkenaan perkara ini, namun dari sudut kurangnya responden dalam kalangan pengusaha IKS industri kerepek khususnya di Parit Raja.

Kelompongan kajian yang dapat dikesan adalah dari sudut kaedah kajian. Hal ini kerana walau banyak kajian yang dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif mahupun kuantitatif, walaubagaimanapun kajian dalam penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha industri kerepek dan juga pendekatan terhadap kaedah kajian kuantitatif ini kurang dijalankan.


Secara keseluruhan, dapatan kajian boleh membantu perkara di bawah iaitu menambah baik aktiviti pemasaran dan operasi dengan menggunakan teknologi yang tersedia, cadangan hasil kajian boleh diguna pakai untuk dijadikan panduan dalam menambah baik perniagaan dan memberi peluang yang lebih baik untuk mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi dan pasaran yang meluas.

## 2. Sorotan Literatur

Dalam bab ini, sorotan literatur adalah andaian yang mendasari penyelidikan ialah pengetahuan diperoleh dan digunakan berdasarkan apa yang telah dilakukan sebelum ini. Langkah pertama dalam mana-mana projek penyelidikan adalah untuk mengkaji literatur mengenai topik tersebut untuk mendapatkan pemahaman yang menyeluruh tentang persoalan yang dihadapi.

### 2.1 Tahap penerimaan teknologi

#### a) Teori Model Penerimaan Teknologi (TAM)



**Rajah 1: Teori model penerimaan teknologi (TAM)**

Dengan perkembangan teknologi yang semakin meningkat, terutamanya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dan integrasinya ke dalam kehidupan peribadi dan profesional pengguna, keputusan sama ada menerimanya atau tidak masih menjadi persoalan. Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, minat komuniti penyelidik dalam menangani persoalan ini telah menghasilkan pembangunan beberapa teori dan model penerimaan teknologi. Model penerimaan teknologi (TAM) yang diperkenalkan oleh Fred Davis beberapa abad lalu menjadi model yang dominan dalam mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan usahawan terhadap teknologi tersebut. TAM mempertimbangkan peranan pengantara dua pembolehubah yang dipanggil kemudahan penggunaan dan kebergunaan yang dirasakan dalam hubungan kompleks antara ciri sistem (pembolehubah luaran) dan potensi sistem penggunaan. TAM (Model Penerimaan Teknologi) dicipta oleh Davis *et al.* (1989) untuk mengkaji bagaimana orang menggunakan teknologi dalam persekitaran kerja mereka. TAM memberi tumpuan kepada sikap orang ramai terhadap teknologi, dan bagaimana sikap ini terbentuk daripada betapa berguna dan mudahnya teknologi itu. Sikap ini selalunya bermula dengan kepercayaan bahawa teknologi itu berguna dan mudah digunakan. Kebergunaan sesuatu teknologi merujuk kepada kepercayaan bahawa menggunakannya akan membantu meningkatkan prestasi kerja, manakala


kemudahan penggunaan adalah berdasarkan kepercayaan bahawa menggunakan teknologi itu akan menjadi lebih mudah, Davis (1989). Faktor lain yang boleh mempengaruhi pendapat seseorang tentang teknologi baharu termasuk pengalaman mereka dengan teknologi serupa, serta faktor luaran seperti ketersediaan teknologi tersebut. Model penerimaan teknologi (TAM) telah diuji dan diaplikasikan secara meluas dalam penyelidikan untuk memahami penerimaan media sosial (Au, 2010; Dhume *et al.*, 2012) dan rangkaian sosial (Lee, 2011; Romero *et al.*, 2011). Model ini juga digunakan secara meluas dalam kajian perniagaan berasaskan teknologi seperti e-pemasaran (El-Gohary, 2009, 2011), membeli-belah dalam talian (Ahn, Ryu & Han, 2004; Jie, Peiji & Jiaming, 2007; Yusniza, 2007; Sin, Khalil & AlAgaga, 2012), dan e-dagang (Grandon & Pearson, 2004; Ahmad, Siti & Muhamad, 2011).

## 2.2 Faktor-faktor penerimaan teknologi

### (a) Penerimaan Teknologi

Bagi meningkatkan lagi penglibatan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor perniagaan, pelbagai usaha telah dipertingkatkan di Malaysia selaras dengan objektif kerajaan untuk melonjakkan ekonomi negara. Penglibatan usahawan PKS dalam perniagaan yang berkaitan teknologi adalah kurang memberangsangkan. Usahawan masih belum menggunakan sepenuhnya keupayaan teknologi untuk meneroka pasaran baharu dan pasaran global melalui perusahaan dan pemasaran berasaskan teknologi. Ini menunjukkan bagaimana penggunaan teknologi oleh usahawan masih tidak mencapai matlamat kerajaan. Sikap positif, sokongan sosial, dan kawalan tingkah laku yang berkesan semuanya menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan niat dan tingkah laku sebenar.

## 2.3 Kerangka Konsep



**Rajah 2: Model untuk faktor-faktor penerimaan teknologi**

### a) Faktor sikap

Menurut kajian lepas, salah satu faktor yang mempengaruhi penerimaan usahawan kecil dan sederhana terhadap teknologi baharu ialah sikap. Sikap ialah perasaan positif atau negatif daripada individu yang menggunakan sesuatu system (Davis, 1989). Selain itu, sikap ialah penilaian suka atau tidak suka seseorang terhadap tingkah laku yang dilakukannya. Jika akibat daripada sesuatu tindakan itu dilihat menguntungkan, maka orang tersebut akan mempunyai sikap yang positif terhadap tingkah laku tersebut. Walau bagaimanapun, jika akibatnya dilihat berbahaya, maka orang itu akan mempunyai sikap negatif terhadap tingkah laku tersebut. Ini kerana sikap adalah berdasarkan jangkaan - jika orang percaya bahawa faedah sesuatu tindakan akan menjadi positif, maka mereka akan mempunyai sikap positif terhadap tingkah laku tersebut. Walau bagaimanapun, jika orang percaya bahawa faedah sesuatu tindakan akan menjadi negatif, maka mereka akan mempunyai sikap negatif terhadap tingkah laku tersebut. Dalam kajian sains sosial, memahami sikap manusia adalah sangat penting. Ini kerana ia jelas menunjukkan bahawa sikap dapat menjelaskan segala sikap perniagaan kecil dan sederhana terhadap teknologi baharu dibentuk oleh beberapa persepsi dan kepercayaan, yang seterusnya boleh memberi impak yang besar kepada kehidupan masyarakat dan pembangunan negara. Sebagai contoh, perniagaan yang percaya kepada nilai teknologi dan keperluan untuk mengikuti aliran terkini akan lebih cenderung untuk menyesuaikan

diri dengan teknologi baharu dan membuat perubahan kepada sistem budaya dalam komuniti dan negara mereka.

Terdapat banyak kepercayaan yang boleh mempengaruhi sikap seseorang individu terhadap teknologi antaranya persepsi faedah dan persepsi kemudahan penggunaan (Taylor & Todd, 1995). Persepsi manfaat adalah berdasarkan Model Penerimaan Teknologi (TAM), yang telah digunakan secara meluas untuk menjelaskan isu penggunaan sistem teknologi. Persepsi kemudahan penggunaan juga berdasarkan TAM, dan ia mampu memberi impak kepada sikap usahawan kecil dan sederhana. Faktor luaran ini kemudiannya mampu membentuk keinginan untuk bertingkah laku dalam diri usahawan sehingga akhirnya menggalakkan pelaksanaan tingkah laku sebenar menggunakan teknologi.

#### *b) Faktor Norma Subjektif*

Diakui bahawa keyakinan pengusaha kecil dan sederhana untuk menggunakan teknologi terkini, dimana persekitaran sosial boleh memberi impak yang besar terhadap cara orang berkelakuan. Penyelidik dalam sains sosial menggunakan maklumat ini untuk mengetahui lebih lanjut tentang tingkah laku manusia, yang boleh berguna dalam memahami cara orang berinteraksi dan berkomunikasi. Umum mengetahui bahawa keyakinan perniagaan kecil dan sederhana untuk menerima pakai teknologi baharu dipengaruhi oleh persekitaran sosial. Penyelidikan sains sosial telah melihat cara halangan, maklum balas dan sokongan daripada orang lain boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh perniagaan tentang penggunaan teknologi. Norma subjektif, yang memberi tumpuan kepada bagaimana tanggapan orang lain memberi kesan kepada tingkah laku kita (Ajzen, 1991). Umumnya, orang yang ingin melakukan sesuatu akan meminta nasihat daripada orang lain, dan norma subjektif boleh menjadi sumber yang baik untuk nasihat itu.

Terdapat kajian lepas yang mendapati bahawa norma subjektif (kepercayaan dan jangkaan orang dalam komuniti tertentu) mempengaruhi niat dan tingkah laku usahawan apabila menggunakan teknologi baharu, seperti e-dagang. Sebagai contoh, Saeedi, Sharifuddin dan Seng (2020) menggunakan pendekatan Teori Tingkah Laku Terancang dalam kajian mereka untuk meramalkan keinginan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menerima Teknologi Industri 4.0. Dalam kajian mereka, Kajian mendapati norma subjektif mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan hasrat usahawan untuk terlibat sepenuhnya dalam revolusi industri keempat, dikenali sebagai Industri Teknologi 4.0. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Jamil dan Mimi (2016) yang mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara norma subjektif dengan niat pengamal Perniagaan-ke-Pengguna (B2C). Di Lembah Klang, menggunakan media sosial untuk aktiviti perniagaan.

#### *c) Faktor Persepsi Kawalan Tingkah Laku*

Persepsi kawalan tingkah laku adalah faktor penting dalam meramalkan tingkah laku individu untuk menerima teknologi baharu. Persepsi kawalan ke atas tingkah laku merupakan aspek kemanusiaan yang menilai pengaruh efikasi sendiri dan persekitaran yang memberi dorongan kepada tingkah laku untuk menerima perubahan baharu. Faktor kawalan tingkah laku mengambil berat tentang bagaimana individu melihat keupayaan mereka untuk mengawal tingkah laku mereka. Ini boleh dipengaruhi oleh keberkesanan diri mereka (kepercayaan mereka terhadap keupayaan mereka untuk berjaya) dan suasana motivasi mereka (keseluruhan perasaan teruja, jangkaan, dan sokongan di sekeliling matlamat). Bersama-sama, kedua-dua faktor ini boleh mempengaruhi dengan kuat bagaimana motivasi seseorang individu untuk melaksanakan tindakan yang diinginkan. Mengikut dapatan kajian yang dijalankan oleh Saeedi, Sharifuddin, dan Seng (2020), terbukti bahawa persepsi kawalan tingkah laku mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan niat tingkah laku. Terdapat beberapa situasi di mana persepsi individu terhadap keupayaan mereka mengawal tingkah laku mereka boleh mempengaruhi tindakan mereka. Ini selari dengan dapatan Mohd Sufiean Hassan *et al.* (2017), yang mendapati bahawa mereka yang menganggap diri mereka lebih mengawal tingkah laku mereka cenderung untuk berkelakuan lebih baik daripada mereka yang berasa kurang kawalan. Keyakinan ini mungkin penting terutamanya apabila ia datang untuk melaksanakan tingkah laku penerimaan teknologi yang lebih baik dalam syarikat permulaan. Usahawan ini berpendapat mereka boleh mengawal tindakan yang mereka ambil, tetapi tingkah laku mereka masih

dipengaruhi oleh sumber, peluang, pengetahuan dan kemahiran. Ini dilihat selari dengan kenyataan Ajzen (2012) yang menjelaskan bahawa tahap kawalan dan keupayaan seseorang individu adalah berdasarkan sumber dan peluang yang ada dalam diri individu tersebut.

### **3. Metodologi Kajian**

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menjelaskan metodologi atau kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian adalah penting untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dalam turutan dan berjalan dengan lancar semasa proses pengumpulan data. Metodologi kajian adalah merujuk kepada prosedur dalam melaksanakan kajian. Metodologi ini adalah termasuk reka bentuk kajian, populasi kajian, persampelan kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data, analisis data dan kesimpulan.

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini akan menggunakan teknik pengumpulan data tepat yang dikehendaki. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif. Tinjauan ini adalah kaedah yang mudah untuk mendapatkan maklumat serta maklumat tersebut lebih mudah untuk diproses oleh pengkaji. Kuantitatif kajian adalah untuk mengkaji pemboleh ubah, purata, kolerasi dan untuk mengkaji hipotesis tentang hubungan yang didapati dalam kajian ini. Kaedah tinjauan dalam kajian ini meliputi maklumat mengenai peniaga kecil dan sederhana dalam industri kerepek di Parit Raja. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data dari sampel adalah menerusi borang soal selidik. Oleh itu, kaedah kuantitatif akan digunakan untuk mengumpul data dan untuk mencapai objektif kajian ini.

#### **3.2 Populasi Kajian**

Populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji, iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan (Gay dan Airasian, 2003). Populasi kajian ini adalah dikhaskan untuk peniaga kecil dan sederhana dalam industri kerepek di Parit Raja. Teknik persampelan yang digunakan untuk mendapatkan responden ini adalah persampelan secara rawak. Jumlah pengusaha secara rawak adalah 50 orang.

#### **3.3 Persampelan Kajian**

Sampel kajian ialah kumpulan orang yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi. Penentuan populasi kajian adalah penting dalam kajian, kerana ia akan menentukan bagaimana dan berapa banyak sampel yang akan kita pilih serta perbelanjaan kajian. Maklumat yang diperolehi daripada sampel digunakan untuk menganggarkan populasi parameter seperti min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan, dan kolerasi. Oleh itu, pengkaji telah memilih persampelan secara rawak. Jumlah secara rawa yang telah dipilih ialah seramai 50 orang, mengikut jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang ditetapkan ialah 44 orang.

**Jadual 1: Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan (1970)**

<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	1000000	384

### 3.4 Instrumen Kajian


Instrumen ini adalah digunakan untuk mendapatkan data. Pengkaji akan menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan data. Pengkaji boleh mendapatkan jawapan melalui borang soal selidik ini. Menurut Khalid Johari (2013), penggunaan borang soal selidik ini adalah salah satu alat pengumpulan data yang ramai pengkaji gunakan untuk mendapatkan maklumat.

Borang soal selidik yang diberikan kepada responden terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A adalah maklumat peribadi responden, bahagian B adalah faktor-faktor penerimaan teknologi masa kini dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja serta bahagian C adalah tahap penerimaan serta halangan yang dihadapi. Soalan yang disediakan dalam bahagian B dan bahagian C adalah menggunakan skala likert. Menurut Gay (1981), skala likert adalah soalan yang memerlukan maklum balas daripada responden melalui borang soal selidik sama ada mereka sangat tidak setuju, tidak setuju, neutral, setuju dan sangat setuju. Terdapat 5 elemen di dalam skala likert tersebut iaitu 1= sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= neutral, 4= setuju, 5= sangat setuju.

### 3.5 Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini perlu dibuat untuk memastikan kajian ini mempunyai kaedah pengukuran yang lebih sistematik. Langkah yang digunakan dalam prosedur kajian ini adalah mengenalpasti populasi dan persampelan kajian, kajian yang sebenar, pengumpulan data, menganalisis dan mentafsir data dan laporan. Rajah 3 menunjukkan prosedur kajian.





**Rajah 3: Prosedur kajian**

### 3.6 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpul data. Dua kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data ialah data primer dan data sekunder.

#### a) *Data primer*

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah data primer bagi memperolehi data melalui borang soal selidik atau temu bual. Borang soal selidik ini diagihkan kepada perusaha-perusaha kecil industri kerepek di sekitar kawasan Parit Raja begitu juga temu bual yang akan dijalankan terhadap mereka.

#### b) *Data sekunder*

Data sekunder boleh merangkumi sebarang maklumat yang digunakan semula untuk membuat kajian. Ini boleh termasuk perkara seperti maklumat daripada internet, artikel, jurnal dan sebagainya. Bagi membuat kajian ini, pengkaji telah menggunakan pelbagai sumber data sekunder.

### 3.7 Analisis Data

Semua data yang diperoleh disusun secara logik dan mudah difahami. Analisis data telah dilakukan untuk mengenalpasti hasil kajian dan untuk menentukan tahap penyerlidikan ini akan memenuhi tujuan penyelidikan atau tidak serta untuk mencapai objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti tahap faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi masa kini. Selain itu, untuk mencapai objektif kajian yang kedua iaitu untuk mengenalpasti tahap penerimaan adaptasi teknologi serta objektif yang ketiga iaitu untuk mengkaji hubungan yang berkait antara faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Ini adalah untuk mengkaji bahawa adakah terdapat hubungan yang positif antara faktor sikap dan penerimaan teknologi, hubungan yang positif antara faktor norma subjektif dan penerimaan teknologi serta hubungan yang positif antara faktor persepsi kawalan tingkah laku dan penerimaan teknologi. “Statistical Package for Social Science” (SPSS) digunakan untuk menganalisis data yang telah dikumpul. Pendekatan yang digunakan dalam analisis data adalah

statistik deskriptif. Jadual 2 menunjukkan tahap pengukuran min untuk analisis deskriptif dan Jadual 3 menunjukkan “Rule of Thumb” untuk mentafsir saiz pekali kolerasi.

**Jadual 2: Tahap Pengukuran Min**

Min	Tahap
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

**Jadual 3: “Rule of Thumb” Untuk Mentafsir Saiz Pekali Kolerasi**

Saiz Korelasi	Interpretasi
0.90 hingga 1.00 (-0.90 hingga -1.00)	Kolerasi positif (negatif) yang sangat kuat
0.70 hingga 0.90 (-0.70 hingga -0.90)	Kolerasi positif (negatif) yang kuat
0.50 hingga 0.70 (-0.50 hingga -0.70)	Kolerasi positif (negatif) yang sederhana
0.30 hingga 0.50 (-0.30 hingga -0.50)	Kolerasi positif (negatif) yang rendah
0.0 hingga 0.30 (0.00 hingga -0.30)	Kolerasi yang boleh diabaikan

#### 4. Analisis Data dan Perbincangan

##### 4.1 Pengenalan

Bagi memenuhi kehendak objektif kajian yang telah dinyatakan, data yang diperoleh daripada responden kajian telah dianalisis bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Data yang dikumpulkan telah dianalisis dan dapatan kajian telah dihuraikan secara terperinci. *Statistical Package for Social Science* (SPSS) telah digunakan bagi menganalisis data yang diperoleh.

##### 4.2 Kadar Maklumbalas

**Jadual 4: Kadar Maklumbalas**

Populasi	Saiz Sampel	Soal Diedarkan	Selidik Soal Diterima	Kadar Peratusan
50	44	44	38	86.36%

Berdasarkan Jadual 4 di atas, responden untuk kajian ini adalah pekerja di kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Saiz sampel untuk kajian ini adalah 44 responden. Jumlah soal selidik yang telah diedarkan kepada 44 responden. Daripada jumlah soal selidik yang diedarkan, 38 responden telah memberikan maklumbalas terhadap soal selidik yang diedarkan. Ini menunjukkan kadar pulangan kajian adalah 86.36 peratus.

##### 4.3 Analisis Data

###### a) Analisis kebolehpercayaan

Dengan menggunakan perisian SPSS, hasil ujian kebolehpercayaan dapat diperoleh. Jadual 5 menunjukkan keputusan Cronbach Alpha untuk kajian rintis dan kajian sebenar. Bilangan responden yang digunakan untuk kajian rintis adalah 10, manakala kajian sebenar adalah seramai 38 responden. Hasil menunjukkan nilai Cronbach Alpha untuk kajian rintis bagi bahagian sikap adalah 0.883, bahagian norma subjektif adalah 0.910, bahagian kawalan tingkah laku adalah 0.901, dan bahagian

penerimaan teknologi adalah 0.912. Hasil menunjukkan nilai Cronbach Alpha untuk kajian sebenar bagi bahagian sikap adalah 0.877, bahagian norma subjektif adalah 0.864, bahagian kawalan tingkah laku adalah 0.873, dan bahagian penerimaan teknologi adalah 0.908. Justeru, semua pembolehubah boleh dipercayai untuk dianalisis selanjutnya. Keputusan menunjukkan bahawa tahap kebolehppercayaan soal selidik ialah  $\alpha \geq 0.5$ , menunjukkan bahawa instrumen kajian yang digunakan adalah boleh dipercayai.

**Jadual 5: Analisis Kebolehppercayaan Untuk Kajian Rintis dan Sebenar**

Kategori	Nilai Cronbach Alpha untuk kajian rintis (10 responden)	Nilai Cronbach Alpha untuk kajian sebenar (38 responden)	Bilangan bagi item
Sikap	0.883	0.877	5
Norma Subjektif	0.910	0.864	5
Kawalan Tingkah Laku	0.901	0.873	5
Penerimaan Teknologi	0.912	0.908	9

*b) Analisis latar belakang demografik*

**Jadual 6: Maklumat Demografi Responden**

Maklumat	Kekerapan	Peratusan (%)
JANTINA		
Lelaki	18	47.4
Perempuan	20	52.6
JUMLAH	38	100.0
UMUR		
<20 tahun	0	0
21-30 tahun	8	21.1
31-40 tahun	8	21.1
41-50 tahun	12	31.6
>50 tahun	10	26.3
JUMLAH	38	100.0
BANGSA		
Melayu	38	100.0
Cina	0	0
India	0	0
Lain-lain	0	0
JUMLAH	38	100.0
TAHUN TERLIBAT DALAM PERNIAGAAN		
<5 tahun	10	26.3
5-10 tahun	13	34.2
>10 tahun	15	39.5
JUMLAH	38	100.0
JUMLAH PEKERJA		
<30 orang	32	84.2
30-75 orang	6	15.8
>75 orang	0	0
JUMLAH	38	100.0

c) *Analisis deskriptif***Jadual 7: Purata Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Pembolehubah**

Pembolehubah	Bil	Purata Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Sikap	38	4.648	0.508	Tinggi
Norma subjektif	38	4.437	0.580	Tinggi
Persepsi kawalan tingkah laku	38	4.542	0.535	Tinggi
Tahap Penerimaan Teknologi	38	4.228	0.638	Tinggi

Berdasarkan Jadual 7, nilai min bagi semua pembolehubah yang berkaitan berada purata 4.200 hingga 4.650 manakala sisihan piawai berada di purata 0.500 hingga 0.650. Bagi faktor sikap dengan purata min 4.648 dan sisihan piawai 0.508, norma subjektif dengan purata min 4.437 dengan sisihan piawai 0.580 dan persepsi kawalan tingkah laku memperoleh min 4.542 dan sisihan piawai 0.535. Bagi tahap penerimaan teknologi pula, nilai purata skor min adalah 4.228, dan sisihan piawai 0.638. Secara keseluruhannya, faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan teknologi adalah berada di tahap yang tinggi.

d) *Ujian normaliti***Jadual 8: Ujian Normaliti**

Tahap penerimaan teknologi	Kolmogorov-Smirnov			Shapiro-Wilk		
	Statistic	df	Sig.	Statistic	df	Sig.
	0.135	38	0.076	0.943	38	0.054

Berdasarkan Jadual 8, analisis data ini merangkumi 38 responden, dan nilai Shapiro-Wilk telah diambil kira kerana bilangan responden melebihi 30. Keputusan menunjukkan bahawa nilai signifikan pembolehubah bersandar ialah  $p > 0.05$  dan menunjukkan data normal. Untuk mencapai matlamat kajian, penyelidik dikehendaki menggunakan ujian korelasi Pearson bagi ketiga-tiga pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Hasil kajian ini mempunyai keputusan yang normal.

e) *Analisis korelasi***Jadual 9: Analisis Korelasi**

		Tahap penerimaan teknologi
Sikap	Korelasi Pearson	0.493**
	Sig. (2 ekor)	0.02
	N	38
Norma subjektif	Korelasi Pearson	0.393*
	Sig. (2 ekor)	0.015
	N	38
Persepsi kawalan tingkah laku	Korelasi Pearson	0.166
	Sig. (2 ekor)	0.320
	N	38

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu sama ada faktor-faktor penerimaan teknologi mempunyai hubungan terhadap tahap penerimaan di kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Oleh itu, analisis korelasi Pearson digunakan kerana data yang diperoleh adalah taburan normal. Bagi tahap penerimaan teknologi dan sikap adalah 0.493 dan nilai ini adalah signifikan pada  $p < 0.01$  dengan nilai  $p = 0.002$ . Ini menunjukkan terdapat hubungan

kolerasi positif yang rendah di antara tahap penerimaan teknologi dan sikap. Bagi tahap penerimaan teknologi dan norma subjektif adalah 0.393 dan nilai ini adalah signifikan pada  $p < 0.05$  dengan nilai  $p = 0.015$ . Ini menunjukkan terdapat hubungan kolerasi positif yang rendah di antara tahap penerimaan teknologi dan norma subjektif. Bagi tahap penerimaan teknologi dan kawalan tingkah laku adalah 0.166 dan nilai ini adalah tidak signifikan pada  $p > 0.05$  dengan nilai  $p = 0.320$ . Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan kolerasi di antara tahap penerimaan teknologi dan kawalan tingkah laku. Dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga faktor yang telah dianalisis menunjukkan nilai signifikan yang berbeza. Hasil menunjukkan terdapat dua faktor yang memberikan signifikan yang positif terhadap tahap penerimaan teknologi iaitu sikap dan norma subjektif. Manakala bagi faktor kawalan tingkah laku, didapati tiada hubungan signifikan dengan tahap penerimaan teknologi.

#### 4.4 Perbincangan

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan hasil dapatan yang diperolehi iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja bagi menjawab objektif pertama. Bagi objektif kedua, pengkaji memfokuskan kepada tahap penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Bagi objektif yang ketiga, pengkaji memfokuskan kepada hubungan yang berkait rapat antara faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Berdasarkan bab 1, objektif kajian yang ketiga ialah mengkaji hubungan yang berkait antara faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja dengan jumlah purata skor min berada pada tahap yang tinggi. Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja adalah sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku.

Bagi faktor sikap, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan faktor sikap mempunyai purata skor min berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan terdapat faktor sikap dalam tahap penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Faktor sikap adalah tinggi dan ini menunjukkan para pengusaha bersetuju bahawa sikap adalah faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Kesimpulannya, faktor sikap merupakan perkara yang penting kepada pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam peredaran zaman teknologi yang kian pesat.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan faktor norma subjektif di kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja dengan jumlah purata skor min berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa faktor norma subjektif merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Norma subjektif adalah sebuah keyakinan seseorang terhadap perbuatan yang dilakukannya itu sama ada disepakati (atau tidak) oleh orang-orang di sekitarnya (Niaura, 2013). Dengan adanya sokongan dari orang lain iaitu individu yang akan menampilkan sikapnya. Orang-orang yang diyakini individu dapat mempengaruhinya iaitu seperti keluarga, rakan-rakan dan sebagainya. Norma subjektif seseorang boleh dipengaruhi oleh sesiapa sahaja, baik individu mahupun kelompok.

Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan mengenai faktor persepsi kawalan tingkah laku dengan jumlah purata skor min pada tahap yang tinggi iaitu 4.542. Ini menunjukkan bahawa pengusaha bersetuju bahawa persepsi kawalan tingkah laku adalah faktor yang mempengaruhi tahap penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja. Persepsi kawalan tingkah laku ini terbukti dalam banyak penelitian menjadi faktor yang paling kuat mempengaruhi intensi (Mok & Lee, 2013). Bahkan, persepsi kawalan tingkah laku secara langsung berhubungan dengan perilaku seseorang.

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, sebagai hasil dapatan kajian telah mencapai objektif kajian iaitu untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi masa kini dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja, untuk mengkaji tahap penerimaan adaptasi teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja, untuk mengkaji hubungan yang berkait antara faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan teknologi dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja.

### 5.1 Batasan Kajian

Antara kekangan yang dihadapi oleh pengkaji semasa kajian ini dilakukan ialah berkenaan dengan penglibatan responden di mana pengkaji sukar untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden. Hal ini kerana kekangan responden bagi menyiapkan kajian ini. Selain itu, terdapat jawapan yang bias oleh responden yang menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat. Seterusnya, kemungkinan responden yang menjawab soalan kaji selidik ini tidak memahami soalan dan hanya menjawab soalan tanpa membaca dengan teliti terlebih dahulu. Selain itu, skop kajian hanya tertumpu pada pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek di Parit Raja sahaja yang memberikan sedikit kesukaran untuk memperoleh jumlah responden yang lebih ramai. Seterusnya, pengkaji juga menghadapi sedikit kesukaran apabila proses untuk mendapatkan semula borang soal selidik yang telah diagihkan melalui pautan *Google Form* kepada responden mengambil masa yang lama dari tempoh yang telah ditetapkan kerana terdapat responden yang berumur dan mengalami kesukaran untuk menjawab soalan kajian ini melalui telefon bimbit. Akhir sekali, adalah kerana kajian ini hanya menggunakan pendekatan kuantitatif sahaja.

### 5.2 Cadangan

Cadangan yang boleh diusulkan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah bertujuan untuk menambahbaik kajian ini pada masa yang akan datang agar kajian yang akan dijalankan lebih berkesan dan lebih baik. Antara cadangan-cadangannya adalah meluaskan skop kajian agar jumlah responden yang akan menjawab soalan kaji selidik yang diberikan lebih banyak. Selain itu, memastikan responden terdiri daripada kalangan pengusaha kecil dan sederhana industri kerepek bagi mendapatkan data yang tepat berkaitan dengan penerimaan teknologi yang mereka terapkan. Akhir sekali, menambahbaik soalan kaji selidik yang sedia ada agar data yang diperoleh lebih cenderung kepada objektif kajian.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kumpulan Fokus Pengurusan Teknologi dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia untuk segala sokongan yang diberi.

## Rujukan

- Ahmad, S., Siti, Z. O., & Muhamad, S. S. (2011). Tahap hubungan antara pelbagai faktor terpilih dengan keinginan menggunakan e-dagang dalam kalangan pengguna Internet. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 11-28.
- Ahn, T., Ryu, S., & Han, I. (2004). The impact of the online and offline features on the user acceptance of Internet shopping malls. *Electronic Commerce Research and Application*, 3, 405-420. doi:10.1016/j.elerap.2004.05.001.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior in organizational behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211.

- Ajzen, I. (2012). The theory of planned behavior. In P. A. M. Van Lange, A. W. Kruglanski, & E. T. Higgins (Eds.), *Handbook of theories of social psychology* (438–459). New York: Lawrence Erlbaum Associates.
- Davis, F. D. (1989). Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319-340
- Davis, K., & Fullerton, S. (2016). Connected learning in and after school: Exploring technology's role in the learning experiences of diverse high school students. *Information Society*, 32 (2), 98-116.
- Farid N. M. (2016) Batu Pahat pusat kerepek dan biskut raya. Retrieved from [https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/06/169390/batu-pahat-pusat-kerepek-dan biskut-roya](https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/06/169390/batu-pahat-pusat-kerepek-dan-biskut-roya)
- Grandon, E. E., & Pearson, J. M. (2004). Electronic commerce adoption: An empirical study of small and medium US businesses. *Information and Management*, 42, 197-216. doi:10.1016/j.im.2003.12.010.
- Gunelius, S. (2011). *30-minute social media marketing: Step-by-step techniques to spread the word about your business fast and free*. USA: McGraw Hill Companies.
- Jamil Bojei & Mimi Liana Abu. (2016). Intention to use social media tools among Business To Consumer (B2C) Practitioners in Klang Valley, Malaysia: Insight from TPB. *Malaysian Management Review*, 51(2), 57-70.
- Kartika, Aprillya. (2018). Pengaruh Persepsi Kegunaan, Persepsi Kemudahan, dan Persepsi Keamanan Terhadap Minat Penggunaan E-MONEY (Studi Pada Pengguna Go-Pay di Kota Malang). *Jurnal Ilmiah FEB Universitas Brawijaya*, 6(2).
- M. Anem. (2017). Industri kerepek – potensinya. Retrieved from <http://animhosnan.blogspot.com/2017/03/industri-kerepek-potensinya.html>
- Manap, N. S., & Yusoff, M. Y. M. (2022). Peranan Syarikat Tradixi Exellent Dalam Kebolehpasaran Produk Pekasam Dalam Industri Makanan Tradisional. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3), 1-12.
- Marangunic, N., & Granic, A. (2015). Technology acceptance model: a literature review from 1986 to 2013. *Universal access in the information society*, 14(1), 81-95 <https://10.1007/s10209-014-0348-1>
- Md Shah, Normala (2014) Penggunaan Teknologi Di Kalangan Usahawan Industri Kecil Kerepek Pisang Dan Ubi, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Retrieved from <http://merr.utm.my/id/eprint/6828>
- Mohamad, N., & Ishak, M. S. (2013). Pengaruh faktor organisasi dan faktor teknologi terhadap penerimaan media sosial sebagai medium pemasaran penginapan bajet.
- Sahar, H. R., Mahbob, M. H., & Mahmud, W. A. W. (2021). PENGARUH FAKTOR PENENTU TINGKAH LAKU PENERIMAAN E-DAGANG DALAM KALANGAN USAHAWAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) DI MALAYSIA. *e-BANGI*, 18(5), 195-211.
- Shafi, M. A., & Mohtar, N. S. (2021). Pelaksanaan E-Digital dalam Kalangan Industri Kecil dan Sederhana di Negeri Johor. *Research in Management of Technology and Business*, 2(2), 92-104. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/4958>
- SME Corporation Malaysia. (2019). Definisi PKS. Diperoleh daripada <http://www.smecorp.gov.my/index.php/my/polisi/2015-12-21-090949/smedefinition> [30 Mac 2020].
- SME Corporation Malaysia. (2022.). Mengenai Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia. Retrieved from <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/about-sme-corp-malaysia>
- Syafila Kamarudin & Siti Zobidah Omar. (2021) Faktor Peramal Penerimaan Perkhidmatan Kerajaan. *Jurnal Komunikasi*, 37(1), 1-27
- Taking advantage of modern technology. (2022, April 15). <https://www.smecorp.gov.my/index.php/en/resources/2015-12-21-10-55-22/news/4627-taking-advantage-of-modern-technology>